



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG**

MODUL PENILAIAN SPM 2011

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

September

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Majlis Pengetua Sekolah Menengah Malaysia (Cawangan Pulau Pinang)**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 16 halaman bercetak

Markah penuh: 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi - 20 markah
- (b) Bahasa - 10 markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah markah											20

Soalan 1: Rumusan**[30 markah]****Pendahuluan [2 markah]**

Petikan membincangkan **usaha-usaha/langkah-langkah/kaedah-kaedah** berbelanja secara berhemat dalam golongan muda.

Isi-isi tersurat [4 hingga 12 markah]**Markah**

- | | |
|---|---|
| 1. anak muda mahu berubah sikap dan lebih berdisiplin ketika mengurus hal-hal kewangan mereka | 2 |
| 2. membaca dan membuat kaji selidik bagi mencari penyelesaian terhadap beban kewangan | 2 |
| 3. mereka perlu menentukan matlamat dalam mengurus kewangan untuk masa hadapan mereka | 2 |
| 4. mereka memantau dan mengawasi perbelanjaan semasa | 2 |
| 5. menyemak aliran perbelanjaan mereka pada setiap hujung bulan | 2 |
| 6. mencatat butiran perbelanjaan | 2 |
| 7. merancang aliran perbelanjaan sepanjang bulan | 2 |
| 8. setiap kali menerima gaji bulanan mereka perlu menabung untuk masa hadapan | 2 |
| 9. seharusnya mereka mengelakkan penggunaan kad kredit | 2 |
| 10. menggunakan wang tunai ketika berbelanja | 2 |

Isi-isi tersirat [4 hingga 12 markah]

- | | |
|--|---|
| 1. kurangnya pengetahuan atau cetek ilmu tentang kepentingan menabung/ golongan muda kurang kesedaran tentang kepentingan menabung | 2 |
| 2. remaja terpengaruh oleh iklan jualan murah/promosi | 2 |
| 3. tawaran pinjaman peribadi secara mudah oleh syarikat kewangan/bank | 2 |
| 4. kelulusan pengeluaran kad kredit mudah | 2 |
| 5. kos sara hidup tinggi di bandar menghalang remaja menabung | 2 |

- | | |
|---|---|
| 6. kurang ilmu/kemahiran mengurus kewangan | 2 |
| 7. pendapatan remaja yang terhad/cukup untuk tempoh sebulan | 2 |
| 8. terpengaruh oleh gaya hidup moden | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

Kesimpulannya, semua pihak perlulah berganding bahu untuk menggalakkan golongan muda berbelanja secara berhemat supaya masa depan mereka lebih terjamin.

(a) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 – 20	9 – 10	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
	15 – 17	7 – 9	
Sederhana	12 – 14	6 – 7	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
	8 – 11	4 – 6	
Lemah	1 – 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan /tidak memuaskan

Nota:

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang 120 patah** perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum**: 10 markah]

Soalan 2: Pemahaman

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 8 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang **sempurna/lengkap**
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan **separuh (50%)** daripada **markah yang diperuntukkan** sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup /gramatis & tidak gramatis	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap /relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap /relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap /kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

(i) **Berikan maksud rangkai kata dilangsaikan sepenuhnya.**
...dijelaskan / dibayar / dilunaskan / diselesaikan kesemua / keseluruhan hutang / pinjaman
[Maksimum: 2 markah]

(ii) **Apakah kesan-kesan sekiranya remaja atau anak muda boros berbelanja ?**

- terjerat dalam krisis kewangan
- kesan buruk kepada tabungan negara
- golongan muda menghadapi masalah kewangan kronik apabila usia mereka meningkat dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang
- menyebabkan mereka terjebak dalam kancah hutang seterusnya dikejar oleh 'along'

Pilih mana-mana 3 isi

[Maksimum: 3 markah]

(iii) **Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha kerajaan untuk menggalakkan golongan remaja menabung ?**

- kerajaan melancarkan tabung amanah seperti ASN/ASB/ASM/ASGP/ASD/unit trust
- kerajaan melancarkan tabung pendidikan seperti PTPTN
- menganjurkan kempen seperti Kempen Galakan Menabung/Kempen Berjimat Cermat/minggu amanah
- melalui perundangan mewajibkan simpanan daripada pendapatan seperti caruman KWSP/meningkatkan caruman KWSP
- memperkenalkan pakej perlindungan insurans hayat/keluarga yang menarik
- memberikan pengetahuan/didikan melalui media tentang kepentingan menabung
- kerajaan menganjurkan seminar tentang galakan menabung

Terima isi lain yang relevan

Pilih mana-mana 4 isi

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Drama

- (i) Mengapakah Salmah, Chandran dan Chong begitu yakin bahawa Malaysia mampu untuk menjadi sebuah Negara model?

Mereka yakin bahawa Malaysia mampu untuk menjadi sebuah negara model

- mempunyai kualiti-kualiti yang mencukupi sebagai sebagai sebuah negara model
- mempunyai satu bahasa kebangsaan sebagai bahasa perantaraan untuk tujuan integrasi nasional
- mempunyai satu agama rasmi, sementara agama-agama lain dibenar untuk dipraktikkan
- mempunyai satu kebudayaan nasional, yang mewakili seluruh cara hidup bangsa Malaysia

Pilih mana-mana 2 isi

[Maksimum: 2 markah]

- (ii) Pada pandangan anda, selain untuk mewujudkan integrasi nasional, apakah kepentingan bahasa kebangsaan dalam masyarakat berbilang kaum?

- Memudahkan komunikasi antara rakyat berbilang kaum
- Meningkatkan persefahaman antara kaum
- Mengukuhkan jati diri rakyat
- Menggalakkan kerjasama antara kaum

Terima isi lain yang relevan

Pilih mana-mana 3 isi

[Maksimum: 3 markah]

- (iii) Huraikan satu persoalan yang terdapat dalam petikan dan satu persoalan lain yang terdapat dalam keseluruhan drama.
satu persoalan yang terdapat dalam petikan ;

Persoalan	Huraian
Semangat cinta akan tanah air /semangat patriotik	Salmah, Chandran dan Chong mempertahankan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara model dunia
Integrasi nasional	Malaysia yang terdiri daripada pelbagai lapisan kaum yang diikat dengan satu bahasa kebangsaan, satu kebudayaan nasional serta satu agama rasmi
Malaysia sebagai negara model dunia	Malaysia dikatakan berpotensi dalam menegakkan keamanan dan peningkatan moral sejagat

Satu persoalan lain yang terdapat dalam keseluruhan drama;

Persoalan	Huraian
Kepentingan memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi	dalam kalangan generasi muda perlu memiliki ilmu pengetahuan tinggi untuk membina sebuah tamadun bangsa
Kepentingan penghayatan nilai keagamaan	Salmah, Chandran dan Chong berbincang tentang pentingnya nilai keagamaan dihayati untuk mengelakkan kelonggaran nilai agama dan kemerosotan moral

Catatan – terima mana-mana persoalan lain yang terdapat dalam keseluruhan drama

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

i. Nyatakan maksud rangkai kata *mencita geliga*.

Rangkai kata tersebut bermaksud menggunakan/menjampi batu sakti/ batu hikmat

[Maksimum: 2 markah]

ii. Mengapakah Raja Bahrum Dewa murka?

- Apabila mendapati Raja Indera Bumaya belum berjaya ditangkap
- Raja Indera Bumaya belum mati
- Raja Indera Bumaya menang/ tentera Raja Bahrum Dewa kalah
- Dua ratus hulubalang baginda lari
- 20 orang hulubalang baginda berjaya ditangkap

Pilih mana-mana 3 isi

[Maksimum: 3 markah]

iii. Sekiranya anda Raja Indera Bumaya, apakah langkah yang wajar anda ambil untuk mengelakkan peperangan?

- Menyerah diri kepada Raja Bahrum Dewa
- Bersemuka dengan Raja Bahrum Dewa
- Berterus terang tentang tujuan baginda berada di istana puteri
- Mengajak Raja Bahrum Dewa berbincang/ berunding/ berdiplomasi untuk menyelesaikan masalah
- Mengahwini tuan puteri untuk menutup malu
- Membuat tawaran yang menguntungkan kedua-dua belah pihak

Terima isi lain yang relevan

Pilih mana-mana 3 isi

[Maksimum: 3 markah]

Soalan 2(d) – Petikan Puisi

i. Siapakah penyajak berdasarkan rangkap terakhir sajak?

- Penyajak ialah individu yang gemar berada di perpustakaan
- Seorang yang sentiasa dahaga akan ilmu pengetahuan.

[Maksimum: 2 markah]

ii. Pada pendapat anda apakah langkah-langkah yang wajar dilakukan untuk menarik minat remaja ke perpustakaan?

- Meningkatkan kemudahan/ fasiliti dalam perpustakaan.
- Menyediakan kemudahan internet
- Remaja dibenarkan membawa komputer riba masing-masing.
- Menyediakan komputer lebih banyak untuk pengguna.
- Menyediakan bahan-bahan bacaan yang sesuai.
- Menyediakan ruang aktiviti untuk permainan seperti shahiba, catur, karom, dan sebagainya.
- Menganjurkan pelbagai pertandingan yang menawarkan hadiah menarik

Terima isi lain yang relevan

Pilih mana-mana 4 isi

[Maksimum: 4 markah]

iii. Nyatakan tiga pengajaran yang ingin disampaikan melalui sajak di atas?

- Kita haruslah cinta akan ilmu.
- Kita hendaklah sering mengunjungi perpustakaan
- Kita wajar memanfaatkan kemudahan yang disediakan di perpustakaan
- Kita haruslah berusaha untuk menguasai pelbagai ilmu
- Kita hendaklah menyedari betapa luasnya ilmu
- Kita haruslah menyedari kepentingan/peranan perpustakaan
- Kita mestilah mematuhi adab ketika berada di perpustakaan

[Maksimum: 3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3 (a) : 6 markah

Soalan 3 (b) : 6 markah

Soalan 3 (c) : 6 markah

Soalan 3 (d) : 6 markah

Soalan 3 (e) : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 3 (a)

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi kesalahan **ejaan / jalan bahasa / tanda baca** daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, **berikan 0 markah**
5. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan dipakai dalam **satu ayat**, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas tolak $\frac{1}{2}$ **markah**.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.

3 (a) – Bina ayat

- i. menjahit
maksud : 1. menyambung sesuatu (kain dll) dengan menggunakan jarum dan benang
2. membuat pakaian
- ii. menyulam
maksud : 1. menjahit sulam, menekat, menyuji
2. mengganti tanaman yang mati dengan yang baru, menyilih
3. menyelangi atau mencelahi sesuatu (perbuatan, percakapan, dll) dengan yang lain, menyelitkan sesuatu dengan yang lain (biasanya untuk mengindahkan, menyeronokkan, dll)
- iii. mengait
maksud : 1. memetik (menarik dll) sesuatu dengan kait, mencangkuk, menggancu.
2. merajut dengan jarum kait
3. melukai dengan sesuatu~berkait
- iv. menganyam
maksud : 1. menjalin silang-menyilang (utk membuat tikar, bakul, dll):
2. menjalin atau memintal

- v. memilin
maksud : 1. memintal atau memulas beberapa utas benang atau tali dengan tangan
2. memulas (sakit perut)
3. memintal atau memulas dengan jari
- vi. menyirat
maksud : membuat jala dll, menganyam, menjalin

[Maksimum: 6 markah]

3 (b) Ayat majmuk

- i. Atiqah menyiapkan tugas-tugas yang diberikan oleh gurunya dengan segera *supaya/agar* ibunya membenarkan dia turut serta dalam perkhemahan pengakap itu.
- ii. Puan Haliza berjanji akan memenuhi permintaan anak kesayangannya itu *sekiranya/seandainya/jika/jikalau/kalau* anaknya itu menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam peperiksaan SPM.
- iii. *Ketika/Semasa* orang lain sibuk membuat persiapan menyambut Aidilfitri, pelajar-pelajar tingkatan tiga terpaksa mengulang kaji pelajaran kerana peperiksaan telah hampir tiba atau orang lain sibuk membuat persiapan menyambut Aidilfitri tetapi/manakala pelajar-pelajar tingkatan tiga terpaksa mengulang kaji pelajaran.

[Maksimum: 6 markah]

3(c) Ejaan dan pengimbuhan

Kesalahan ejaan	Pembetulan ejaan	Kesalahan imbuhan	Pembetulan imbuhan
(i)bio-teknologi	bioteknologi	pemberi	memberikan
(ii) eskalatur	eskalator	membeli-belah	beli-belah
(iii)walau pun	walaupun	mementingkan	kepentingan

[Maksimum: 6 markah]

3 (d) Kata / istilah dan kesalahan tatabahasa

Kesalahan kata/istilah	Pembetulan kata/istilah	Kesalahan tatabahasa	Pembetulan tatabahasa
(i)membiaiyai	menyara	pelbagai sayur-mayur	Pelbagai sayur
(ii)berharga	ternilai	berjuta	berjuta-juta
(iii)lungsur	runtuh	apabila	tetapi/namun

[Maksimum: 6 markah]

3 (e) Peribahasa

- (i) benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau
- (ii) mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan
- (iii) menepuk air di dulang terpercik ke muka sendiri

[Maksimum: 6 *markah*]

Soalan 4: Novel

Markah penuh 15 *markah*

Perhatian bagi Soalan 4

- 1. Jawapan bagi 4 (a) mestilah berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari.
- 2. Jawapan bagi 4 (b) mestilah berdasarkan mana-mana dua novel yang dipelajari.
- 3. Jawapan hendaklah dalam ayat yang sempurna/lengkap.
- 4. Pemberian markah bahasa berdasarkan *impression*.
- 5. Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi.

Perhatian bagi (a)

- (i) Jawapan tepat dan merujuk peristiwa benar berdasarkan teks yang dipelajari.
- (ii) Pernyataan mestilah benar dan disokong dengan contoh yang tepat.
- (iii) Berikan **1 markah** bagi peristiwa yang benar.
- (iv) Berikan **1 markah** bagi huraian peristiwa yang tepat berkaitan novel yang dikaji.
- (v) Markah maksimum untuk isi **4 markah** dan markah maksimum untuk bahasa **3 markah**.
- (vi) Markah maksimum **7 markah**:
 - Isi **4 markah**
 - Bahasa **3 markah**:
 - Nota:
 - 3 m - Baik
 - 2 m - Sederhana
 - 1 m - Lemah
- (vii) Jawapan dalam bentuk poin, beri **2 markah** maksimum untuk bahasa.

Perhatian bagi (b)

- (i) Berikan **1 markah** bagi setiap pernyataan.
- (ii) Berikan **2 markah** bagi huraian atau contoh.
- (iii) Huraian atau contoh tanpa pernyataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Markah maksimum untuk isi **6 markah** dan markah maksimum untuk bahasa **2 markah**.

Soalan 4 (a):

- (a) Nilai kasih sayang kerap diutarakan oleh penulis dalam menghasilkan sesebuah novel. Jelaskan dua peristiwa yang memaparkan nilai kasih sayang berdasarkan sebuah novel yang anda kaji.

[7 markah]

Azfa Hanani**(i) Kasih sayang Azfa Hanani terhadap keluarga Pak Longnya.**

- Buktinya, dia sanggup menyamar sebagai Tengku Murni supaya sepupunya Zuraini yang lumpuh mendapat rawatan terbaik di luar negara

(ii) Kasih sayang Tengku Mazran terhadap ibunya Datin Maziah.

- Buktinya, dia sanggup mencari Azfa Hanani yang mirip adiknya, Tengku Murni yang telah meninggal dunia dan memintanya menyamar sebagai adiknya demi memastikan ibunya yang baru pulih daripada koma tidak terjejas kesihatannya.

(iii) Kasih sayang Pak Long terhadap Azfa Hanani.

- Buktinya, beliau sanggup menyuruh Azfa Hanani menyamar sebagai Tengku Murni supaya dia dapat melanjutkan pelajaran dan mencapai cita-citanya kerana Pak Long tidak mampu memberikan yang terbaik.

(iv) Kasih sayang Datin Maziah terhadap anak bongsunya, Tengku Murni.

- Buktinya, beliau telah membeli sebuah kereta pacuan empat roda bersempena dengan hari jadinya yang ke-16 walaupun anaknya itu belum memiliki lesen memandu. Dia juga sentiasa melayan setiap kerenah Tengku Murni, sentiasa mencium dahinya, malah sanggup memasak lauk kegemaran anaknya sendiri.

(v) Kasih sayang keluarga Datin Maziah terhadap Azfa Hanani.

- Datin Maziah, suami dan anaknya, Tengku Muzaffar telah pergi ke Kampung Merpati untuk meminta maaf dan mengajak Azfa Hanani tinggal bersama-sama dengan mereka kerana mereka juga telah mula menyayanginya seperti keluarga sendiri. Azfa Hanani tidak perlu menyamar sebagai Tengku Murni lagi.

Kembara Amira

(i) Kasih sayang sesama manusia/ rakan.

- Contohnya, Amira menyayangi Jacinta, rakan sebiliknya yang menghadapi masalah keluarga. Dia kerap mengajak Jacinta mengikutnya ketika cuti kerana tidak mahu membiarkan Jacinta keseorangan. Jacinta juga menyayangi Amira. Dia tersesat di dalam hutan kerana mencari Amira yang terjatuh ke dalam sungai

(ii) Kasih sayang antara anak dengan ibu.

- Contohnya, selepas kejadian Amira terjatuh ke dalam sungai, dia telah meminta ibunya agar tidak menghantarnya ke rumah neneknya kerana dia ingin menghabiskan masa cuti bersama-sama dengan ibunya. Dia juga memeluk ibunya erat-erat dan melafazkan rasa sayangnya kepada ibunya. Ibunya pula mencium ubun-ubunnya.

(iii) Kasih sayang ayah terhadap anak.

- Contohnya, ayah Jacinta, walaupun telah berkahwin lain dan agak sibuk dengan perniagaannya, dia masih menyayangi Jacinta. Dia telah mengirimi Jacinta tiket kapal terbang ke London supaya anaknya itu dapat menyusulnya ke London dan menghabiskan masa cuti bersama-sama dengannya.
- Tau tetap teringat akan anaknya Sabi (Malique) yang telah dilarikan oleh isterinya, Ipah (Jennifer/ Samantha) Dia telah bertindak menyembunyikan Malique untuk merawatinya kerana dapat merasakan bahawa Malique itu anaknya, Sabi.

(iv) Kasih sayang antara adik-beradik.

- Contohnya, Tau telah mengahwini Ipah yang tidak disukai oleh penduduk kampung supaya abangnya, Ludin dapat menjadi ketua di kampung mereka. Ludin pula telah menjaga dan mendidik Itai, anak Tau seperti anaknya sendiri, malah berharap agar Itai dapat menggantikan tempatnya sebagai Ketua Kampung.

(v) Kasih sayang manusia terhadap alam sekitar.

- Contohnya, Tau, Ludin, Itai amat menyayangi hutan di kawasan perkampungan mereka. Tau berusaha untuk menghalau orang luar yang berhasrat untuk meneroka kawasan tersebut dengan menyamar sebagai makhluk berbulu.
- Dia juga berusaha menakut-nakutkan kumpulan Profesor Zaidah yang membuat ekskavasi/ cari gali di Desa Karpus (Bukit Mat Raya), namun setelah memahami tugas mereka dia telah menunjukkan kawasan peninggalan sejarah kepada mereka. Malique juga telah menghapuskan semua laporan tentang penemuan emas dengan sistem virus ciptaannya sendiri demi menyelamatkan hutan.

- (b) Dalam setiap novel penulis biasanya memaparkan peristiwa negatif yang boleh dijadikan teladan dalam kehidupan kita. Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa negatif daripada setiap novel.

Azfa Hanani

- (i) **Peristiwa kehilangan buku di perpustakaan**
 - Azfa Hanani secara tidak sengaja telah membawa keluar buku rujukan dari perpustakaan sekolah. Perbuatan ini telah diulang buat kali kedua sehingga menimbulkan tekanan kepada dirinya kerana pihak sekolah telah mengesan kehilangan buku-buku tersebut.
- (ii) **Peristiwa pembakaran gerai burger Ekran**
 - Tindakan Tengku Muzaffar membakar gerai burger Ekran merupakan suatu jenayah. Tengku Muzaffar berusaha untuk menghalang hubungan antara Ekran dengan Azfa Hanani.
- (iii) **Peristiwa Datuk Tengku Makmur mencampakkan wang RM500 ke atas katil di bilik Azfa Hanani**
 - Perbuatan Datuk Tengku Makmur ini telah menghina dan menjatuhkan maruah Azfa Hanani sedangkan dia ikhlas untuk membantu memulihkan Datin Maziah.
- (iv) **Peristiwa Azfa Hanani dihina oleh Tengku Muzaffar ketika mula-mula menjejakkan kaki di rumah Tengku Murni.**
 - Perbuatan Tengku Muzaffar melambangkan keegoan golongan berada sehingga sanggup menghina orang yang sudi menghulurkan bantuan kepada keluarganya.
- (v) **Peristiwa Azfa Hanani dituduh mencuba untuk membolot harta keluarga Tengku Makmur.**
 - Peristiwa ini menyebabkan Azfa Hanani berasa terhina kerana dia menerima tawaran untuk menyamar sebagai Tengku Murni atas permintaan Tengku Mazran dan Kak Finaz. Dia juga ingin memenuhi tuntutan tersebut kerana ingin meringankan beban keluarga Pak Longnya.
- (vi) **Peristiwa perhubungan antara Azfa Hanani dengan Ekran dihalang kerana tidak sama darjat.**
 - Tindakan Tengku Muzaffar menghalang hubungan tersebut merupakan suatu tindakan membeza-bezakan insan mengikut darjat dan keturunan sedang semua manusia adalah sama di sisi Tuhan.

Kembara Amira

- (i) **Peristiwa Amira pergi ke kawasan air terjun untuk berjumpa dengan Malique.**
 - Tindakan Amira mengambil keputusan sendiri untuk berjumpa dengan Malique di kawasan air terjun mengundang pelbagai masalah pada dirinya dan orang lain apabila dia terjatuh ke dalam sungai yang arusnya deras.
- (ii) **Peristiwa Ipah (Jeniffer) meninggalkan Tau untuk mengikut Johnny**
 - Tindakan Ipah membawa lari Sabi (Malique) dan meninggalkan Tau menyebabkan Tau mengalami masalah psikologi yang kronik/sangat menderita.
- (iii) **Peristiwa kumpulan Prof. Zaidah disabotaj**
 - Tali khemah diputuskan dan brek kenderaan yang dinaiki Prof Zaidah dan Pak Lias dirosakkan hampir-hampir menggagalkan projek cari gali artifak sejarah.
- (iv) **Peristiwa Tau menculik dan menyembunyikan Malique di puncak Gunung Gua Gajah.**
 - Perbuatan Tau telah menyusahkan banyak pihak sehingga boleh menyebabkan kehilangan nyawa.
- (v) **Peristiwa mencari gali emas oleh kumpulan John O'Hara.**
 - Kumpulan mencari gali emas akan memusnahkan kawasan hutan di perkampungan orang asli Gunung Raya.
- (vi) **Peristiwa Jacinta tidak menerima hakikat keputusan ayahnya berkahwin lain.**
 - Walaupun ibu Jacinta telah meninggal lebih 4 tahun, Jacinta tidak dapat menerima keputusan ayahnya untuk berkahwin lain.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT